

10 DEC 1996

KERETA FORMULA ONE TAJAAN MALAYSIA DIPERKENAL DI LONDON

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 10 Dis (Bernama) -- Kereta lumba Formula One Stewart-Ford tajaan kerajaan Malaysia diperkenalkan di sini hari ini.

Kereta yang membawa lambang "Visit Malaysia" itu menggunakan enjin Ford. Kereta itu dihasilkan dalam masa sembilan bulan dan dicipta dengan menggunakan bantuan komputer sepenuhnya.

Pemilik pasukan, Jackie Stewart, yang juga bekas juara dunia F1, berkata penajaan Malaysia adalah lambang wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tajaan itu dipercayai bernilai 10 juta pound setahun.

Kereta itu akan memulakan cabarannya pada grand prix di Melbourne, Australia pada Mac tahun depan.

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang kerajaannya menaja sebuah pasukan lumba kereta. -- BERNAMA

WAH MAI